

BULETIN CREATE



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



Keluaran Khas Sempena

Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo Baharu
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
Majlis Konvokesyen Ke-18 UMPSA


ISSN 1823-7487



9 771823 748004



TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT



UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my

Sidang Editorial CREATE

PENAUNG

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin

PENASIHAT

Muhamad Faisal Mohd Yasin

KETUA EDITOR

Mimi Rabita Abdul Wahit

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin

WARTAWAN/PENULIS

Dr. Rozaimi Abu Samah
Nadira Hana Ab Hamid
Noor Syahidah Sabran
Farah Liyana Ahmad A'azmey
Khairul Amri Abdul Aziz
Nur Ainaa Adhreena Muhamad Shukri
Siti Nasuha Zainal Abidin
Nor Salwana Mohammad Idris
Nur Hartini Mohd Hatta
Hafizatulazlin Abd Aziz
Ratna Wilis Haryati Mustafa
Nur Hazuani Nasaruddin

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
Noor Azhar bin Abd Rashid
Mohd Zulkifly Hamzah

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
Muhammad Naufal Samsudin
Zaffaruddin Hamzah

PENGEDARAN

Noor Azmi Mohamed

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-mel atau pos kepada penerbit di:

Editor

Pusat Komunikasi Korporat
Jabatan Canseleri
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel. : 09-431 5000
Faks : 09-431 5555
E-mel : pro@umpsa.edu.my



Dari Meja Ketua Editor

UMP kini UMPSA, tampil dengan wajah dan imej baharu

Penampilan imej dan wajah baharu ini selari dengan hasrat universiti untuk mentransformasikan agendanya dan sebagai pemangkin kepada perubahan yang lebih positif, berjenama dalam kalangan warganya. Penjenamaan ini juga merupakan simbol dan wadah penting yang akan membanggakan seluruh warganya ke arah menjadi universiti teknologi terunggul.

Pastinya penjenamaan ini akan terus merealisasikan aspirasi kecemerlangan yang dicapai menerusi penekanan akademik, pengantarabangsaan dan hasil penyelidikan berimpak yang akan menghasilkan graduan cemerlang dalam memacu pembangunan negara.

Gunakan segala cabang yang tersedia untuk meneroka diri kita untuk mengubah kepada universiti terunggul. Penjenamaan baharu ini bukan hanya tertumpu kepada kosmetik (luaran) sahaja malah juga dari segi fizikal dan beberapa elemen dalaman seperti cara serta kaedah pelaksanaan kerja. Semoga dengan nama baharu ini dapat menyerlahkan lagi peranan UMPSA pada mata khalayaknya sekali gus berupaya menarik minat umum terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Dengan jenama baharu UMPSA ini akan menjadi 'lambang' dan mampu untuk meningkatkan kebolehlihatan dan ketampakan (*visibility*), kedudukannya serta mampu berkomunikasi secara langsung dengan khalayaknya dan berdiri cara megah di persada antarabangsa. Ini bersesuaian dengan hasrat Naib Canselor UMPSA untuk membangunkan UMPSA sebagai sebuah universiti yang menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selesa, sejahtera dan lestari.

Syabas warga UMPSA. Selama maju jaya!

Mimi Rabita Abdul Wahit



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

**D.K.P., D.K.M.,, D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K(Johor),
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K.(Selangor),
Order of the State of The Republic of Turkiye.**

“Pada hari ini, setelah menempuh 21 tahun bermula dari penubuhannya, sejarah baharu telah tercipta apabila Universiti Malaysia Pahang (UMP) secara rasminya dimasyhurkan dengan nama Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Sebagai Canselor, dan Sultan serta Raja Pemerintah negeri Pahang Darul Makmur, beta berasa amat berbangga dan sukacita atas kesudian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan semua pihak yang terlibat untuk mengabadikan nama beta dengan universiti yang bertuah ini.

Beta berdoa menerusi penjenamaan ini, ia membawa semangat kepada universiti ini untuk membentuk aspirasi kecemerlangan dalam semua bidang pada masa hadapan.”



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

**D.K.P., D.K.M.,, D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K(Johor),
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K.(Selangor),
Order of the State of The Republic of Turkiye.**

MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
KE-

18

21 hingga 24 Oktober 2023

6 hingga 9 Rabiulakhir 1445H

Dewan Kompleks Sukan
UMPSA Kampus Gamban



KDYMM SPB YDP Agong kurnia Watikah Pemasyhuran Pro-Canselor dan UMPSA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor UMPSA berangkat menyempurnakan Istiadat Pemasyhuran Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan pengurniaan watikah pemasyhuran Pro-Canselor UMPSA kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18.

Baginda menzahirkan rasa sukacita atas pemasyhuran UMPSA dan bertitah agar pemasyhuran ini diharap akan membawa dimensi baharu kepada UMPSA setelah menempuh 21 tahun bermula dari penubuhannya.

"UMPSA perlulah meningkatkan kolaborasi strategik dengan pelbagai rakan industri termasuk universiti lain dalam dan luar negara bagi memartabatkan universiti ini untuk terus unggul," titah baginda pada sesi 1, 21 Oktober 2023.

Hadir sama dalam majlis Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Pro-Canselor UMPSA, Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainudin.

Dalam majlis yang sama, baginda turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Dato' Ts. Dr. Mortaza Mohamed yang merupakan penganugerahan tertinggi akademik atas pelbagai sumbangan yang telah dicurahkan kepada universiti dan pendidikan tinggi negara.

Antaranya sebagai Pengarah Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Cawangan Pahang pada tahun 1998 dan terlibat dalam penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-16 di Malaysia pada tahun 2002.

Sepanjang perkhidmatan beliau di UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Mortaza juga merupakan Timbalan Rektor dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pertama di UMPSA.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menyempurnakan penganugerahan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada seramai 79 penerima ijazah sarjana dan kedoktoran termasuk sembilan anugerah kecemerlangan.

KDYMM Seri Paduka Baginda, Tuanku Canselor mengucapkan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan para graduan dan juga tahniah kepada ibu bapa serta ahli keluarga graduan, para pensyarah dan semua yang terlibat dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

Majlis Konvokesyen Ke-18 UMPSA ini turut menyaksikan seramai 4,854 penerima graduan bagi tahun 2023 yang terdiri daripada graduan doktor falsafah (70) dan sarjana (161), graduan sarjana muda (2,181), ijazah dual (34) dan diploma (961) serta graduan program pembelajaran sepanjang hayat UMP Advanced (1,447) yang menerima ijazah dan diploma masing-masing. Majlis berlangsung pada 21, 22 dan 24 Oktober di Dewan Kompleks Sukan, UMPSA Kampus Gambang. Daripada jumlah tersebut, seramai 81 orang adalah graduan antarabangsa yang terdiri dari 14 buah negara.



KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UMPSA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mengurniakan watakah pemasyhuran Pro-Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Seri Paduka Baginda merakamkan ucapan tahniah kepada Paduka Anakanda Pemangku Raja Pahang atas pemasyhuran sebagai Pro-Canselor UMPSA.

Baginda bertitah semoga dengan pemasyhuran ini akan membawa dimensi dan idea baharu bagi UMPSA untuk terus dimartabatkan sebagai institusi universiti awam (UA) yang unggul di negara.

Turut mengiringi Seri Paduka Baginda, anakanda YAM Tengku Panglima Raja Kolonel Tengku Amir Naseer Ibrahim Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah diputerakan pada tanggal 17 September 1995 di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah St. Thomas, Kuantan, Pahang pada tahun 2002 hingga 2005. Baginda meneruskan pendidikannya di Caldicott Preparatory School, London, United Kingdom pada tahun 2006 hingga 2009 dan seterusnya ke Sherbone School, London, United Kingdom dari tahun 2009 hingga 2014. Baginda seterusnya melanjutkan pengajian di Geneva School of Diplomacy and International Relations, Switzerland ijazah dalam bidang Hubungan Antarabangsa.

Selain itu, baginda juga telah menjalani kursus ketenteraan di Royal Military Academy Sandhurst bermula 1 Januari 2019 hingga 14 Disember 2019.



Sebagai pewaris takhta Kesultanan Pahang Darul Makmur, baginda telah dimasyhurkan sebagai Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang pada 22 Januari 2019 setelah Seri Paduka Ayahanda Baginda ditabal sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Ke-6.

Baginda kemudiannya dilantik sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berikutan pelantikan Seri Paduka Ayahanda sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 pada 31 Januari 2019.

Pada tanggal 3 September 2019, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) (sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)).

Sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, baginda mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menguruskan negeri dan juga rakyat.

Ketokohan baginda, saling tidak tumpah seperti Seri Paduka Ayahanda dan Paduka Bondanya yang begitu prihatin dengan keadaan semasa rakyat di negeri ini.

Baginda sering turun padang untuk melihat sendiri kehidupan masyarakat. Sikap mesra dan berjiwa rakyat memudahkan baginda mendekati pelbagai golongan dengan turut serta beraktiviti dan baginda sentiasa ada apabila rakyat memerlukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa bertitah kepada rakyat terutamanya di Negeri Pahang Darul Makmur supaya mengamalkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam menguruskan khazanah dan bumi ini dengan sebaiknya juga dalam kehidupan seharian.

Keprihatinan baginda terhadap Harimau Malaya yang merupakan simbol keberanian, kebanggaan dan kekuatan rakyat Malaysia adalah cerminan dan keprihatinan baginda terhadap warisan biodiversiti serta isu-isu alam sekitar.

Sebagai orang muda, baginda dekat dengan belia dan sering beraktiviti bersama serta aktif dalam aktiviti sukan. Selain sukan berkuda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku turut meminati sukan ragbi.



Hubungan baginda dengan institusi ini telah bermula sejak zaman kanak-kanak lagi, apabila baginda sering mengikuti Seri Paduka Ayahanda berangkat bercemar duli ke universiti.

Atas ketokohan dan keprihatinan baginda terhadap aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berkenan dilantik sebagai Penaung Diraja Sukarelawan UMPSA.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mewarisi sikap Paduka Nenda dan Seri Paduka Ayahanda baginda yang tidak kekok untuk bersama-sama masyarakat.

Legasi 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' yang diwarisi daripada Paduka Nenda dan Seri Paduka Ayahanda baginda menyebabkan kehadiran baginda dalam kalangan masyarakat amat disenangi oleh semua.



Klik-klik Lensa







Lepasan Kolej Vokasional buktikan boleh berjaya, peroleh Anugerah Pelajaran Diraja

Tidak pernah beroleh kejayaan semasa melanjutkan pengajian diploma dari Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Melaka, Muhammad Ambri Mohd Sha'ari, 24 membuka mata masyarakat bahawa beliau tetap boleh berjaya sehingga menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) dalam Majlis Konvokesyen Ke-18 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Anak kelahiran Melaka itu merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Automotif dengan Kepujian dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) berpendapat bahawa UMPSA merupakan salah satu daripada universiti MTUN yang memberi peluang dan ruang buat pelajar TVET bagi menyambung pengajian pada peringkat ijazah dan ke atas.

"Ini kerana, UMPSA merupakan universiti kejuruteraan dan teknologi yang banyak menghasilkan graduan yang berjaya dalam bidang masing-masing.

"Untuk mendapatkan hasil pelajar yang cemerlang, berkemahiran dan mempunyai ilmu daripada segi teori dan praktikal, UMPSA telah menyediakan kemudahan yang sangat bersesuaian dengan jurusan yang saya ambil.

"Selain itu, kebanyakan kemudahan adalah mengikut perkembangan teknologi yang kian pesat membangun dari semasa ke semasa," katanya.

Tambah beliau, kemudahan dan fasiliti di UMPSA bagi kegunaan para pelajar seperti kelas, gelanggang sukan, jalan raya, kafeteria, bengkel, perpustakaan, dan residen pelajar sentiasa berada dalam keadaan yang optimum.

Kecemerlangan beliau terbukti apabila memperoleh Anugerah Dekan pada setiap semester dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.94.

Bapanya, Mohd Sha'ari Muharam, 56 bekerja sebagai tukang besi di Mint Chuan Iron Construction Sdn. Bhd., Melaka dan ibunya, Rozita Abdul Rahman, 54 pula bekerja sebagai pembantu arkitek di SLT Architects Sdn. Bhd., Melaka.

Anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik, beliau turut bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti sepanjang tujuh semester pengajian di UMPSA.

Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden Sekretariat Generasi Siswa Sihat (GENESIS) 2021/2022, Exco Kesukarelawanan dan Jaringan Sosial Perwakilan Mahasiswa Residen Pelajar 4 (PEKA 4) 2021/2022, serta Sekretariat Sukan dan Rekreasi Perwakilan Mahasiswa Residen Pelajar 4 (PEKA 4) 2020/2021.

Selain itu, beliau turut menyertai Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) *Volunteer Leadership Program (VLDP) 2021* dan berjaya memperoleh geran sebanyak RM2,500 untuk menjalankan program kesukarelawanan bersama pihak UMPSA.

Beliau juga pernah menjadi salah seorang calon bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021/2022 dan menjadi peserta *Vehicle Crash Testing Safety Course*, Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS) 2021.

Tambah beliau, modul pembelajaran UMPSA sangat membantu kerana berkaitan dengan keadaan sebenar ketika menempuh alam pekerjaan.

“Peningkatan dan penambahbaikan bagi setiap modul sentiasa dipertingkatkan oleh semua tenaga pengajar dan sering memastikan modul pembelajaran yang diterapkan dalam kelas mengikut perkembangan teknologi semasa.

“Ini membolehkan para pelajar mendapat ilmu baharu dan didedahkan dengan pembaharuan yang berlaku di luar universiti.

“Dalam erti kata lain, semua tenaga pengajar sentiasa mementingkan isi kandungan pembelajaran bagi memastikan kebolehpasaran pelajar dipertingkatkan setiap tahun,” katanya.

Beliau berpendapat, kaedah pendekatan pembelajaran yang telah diterapkan oleh tenaga pengajar sangat efisien kerana pendekatan secara praktikal lebih tinggi berbanding pendekatan secara teori.

“Para pelajar didedahkan dengan keadaan bekerja sebenar dan mendapat mengaitkan pembelajaran secara teori dalam kerja praktikal.

“Subjek universiti sangat membantu dalam meningkatkan kebolehpasaran saya sebagai graduan dari segi kepimpinan, ketekunan, kemahiran dan sebagainya.

“Ini menunjukkan seluruh warga UMPSA telah menjalankan aktiviti atau kursus yang sangat bermanfaat dan berguna kepada para pelajar secara berterusan sepanjang pengajian,” katanya.

Ujarnya, kokurikulum yang terdiri daripada badan kepimpinan ataupun persatuan juga sangat efektif bagi para pelajar.

“Ia menjadi salah satu medan atau tempat untuk para pelajar mencungkil bakat, meningkatkan keyakinan diri, memberikan pengalaman dari segi kepimpinan dan membenarkan para pelajar untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat dan berguna pada warga UMPSA dan masyarakat.





“Setiap pendekatan yang telah dibuat oleh UMPSA daripada pelbagai aspek sangat membantu untuk membangunkan jati diri dan ilmu pada seseorang pelajar,” ujarnya.

Beliau sangat berterima kasih kepada kedua ibu bapanya, para pendidik, rakan-rakan seperjuangan serta penasihat dan jawatankuasa Generasi Siswa Sihat (GENESIS) dan Perwakilan Residen Pelajar 4 dan 5 (PEKA 4 dan 5).

Ibu bapanya adalah penyumbang terbesar kejayaannya sekarang kerana mereka juga tidak pernah berputus asa mendidiknya supaya berjaya di dunia dan akhirat.

“Ketika saya jatuh tersungkur, mereka inilah yang mengangkat saya untuk terus berjalan dan berlari mengejar impian saya serta ketika saya mencapai kejayaan, mereka jugalah orang yang paling gembira dan sentiasa berada di sisi saya.

“Penghargaan juga diberikan kepada semua rakan seperjuangan saya yang sentiasa cuba yang terbaik dan berusaha untuk menghasilkan projek dan keputusan yang terbaik.

“Tidak lupa juga, saya ingin mendedikasikan penghargaan kepada anggota kumpulan projek Auto Lifter and New Chute for Transferring Asphalt Sheet (Automation), Hasmunir, Wan Asri, Hishamuddin, Simoh, Fendi dan Mohd Nazri.

“Untuk makluman semua, projek tahun akhir ini merupakan salah satu projek sebenar di Perodua Manufacturing Sdn. Bhd.,” katanya.

Ketika ditanya tentang prinsip hidupnya, beliau berpegang kepada ‘dalam hidup kita tiada jalan mudah untuk kita berjaya’.

“Usaha, doa, tawakal dan reda merupakan prinsip hidup saya.

“Perkara yang sukar akan jadi mudah, perkara yang mustahil akan menjadi nyata.

“Jagalah solat, jaga hubungan dengan ibu bapa, adik-beradik dan masyarakat supaya semua perkara yang kita buat akan berkat di dunia dan akhirat.

“Genggam bara api biar sampai jadi arang,” jawabnya.

Kini beliau bekerja di Perodua Sales Sdn. Bhd. (ibu pejabat) sebagai *Executive Trainer (Technical Education)* di Learning and Development Department.

Besarliah harapan beliau untuk melihat UMPSA melahirkan lebih ramai graduan berkualiti yang dapat meraih pelbagai peluang pekerjaan di seluruh pelosok negara.

“Semoga para majikan di luar sana akan menjadikan graduan UMPSA sebagai pilihan utama mereka kerana beliau yakin para graduan UMPSA dapat terus menjulang nama baik UMPSA dengan menjadi golongan pekerja yang cemerlang di dalam apa jua bidang yang dipilih,” katanya.



22 graduan UMPSA kohort pertama Sarjana Muda Sains Gunaan Analitik Data bergraduasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) berjaya melahirkan seramai 22 orang graduan kohort pertama bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan Analitik Data dengan Kepujian yang bergraduasi sempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18.

Program akademik yang berdurasi tiga setengah tahun atau tujuh semester itu dibangunkan untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan berkebolehan dalam bidang Sains Data dan Analitik yang berkemampuan untuk mendapatkan maklumat atau *insight* tentang data dan membuat keputusan yang berkesan.

Antara kemahiran bersepadu Sains Data yang diliputi dalam program ini ialah Kemahiran Matematik, Kemahiran Pengaturcaraan, Penyediaan Data dan Kemahiran Visualisasi Data, Kemahiran Pemodelan Statistik, Kemahiran Algoritma Pembelajaran Mesin, Kemahiran Analitik Lanjutan, Kemahiran Pengurusan, dan Kemahiran Penyelidikan dan Praktikal.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, bidang Sains Data dan Analitik merupakan bidang baharu yang semakin berkembang pesat dalam negara malah elemen pembelajaran ini juga adalah sebahagian daripada tonggak utama Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) merangkumi elemen automasi, pendigitalan dan kecerdasan buatan.

"Bidang ini menggunakan pelbagai teknik dan peralatan yang memerlukan set kemahiran bersepadu daripada Statistik, Matematik, Sains Komputer dan penggunaan Teknologi semasa dalam perisian komputer atau bahasa pengaturcaraan.

"Melalui pengetahuan ini, graduan dapat menceburi pelbagai bidang pekerjaan yang terkait dengan kemajuan Sains dan Teknologi khususnya bidang Ekonomi, Statistik, Meteorologi, Teknologi Maklumat (IT), Perniagaan, Pendidikan, Penyelidikan, Pemasaran, Perubatan dan banyak lagi.





“Buat masa ini, industri-industri yang berpusatkan data seperti perkhidmatan perniagaan, teknologi maklumat, perbankan dan telekomunikasi dan lain-lain memerlukan tenaga mahir dalam bidang Sains Data dan Analitik di Malaysia,” ujarnya.

Jelas beliau lagi, Kemahiran Analitik Data telah digunakan secara meluas dalam pembuatan keputusan dan ramalan yang dibangunkan berasaskan model analisis data raya.

“Walau bagaimanapun, aplikasi kemahiran Analitik Data tidak terhad kepada data dari sektor dan industri tertentu sahaja.

“Malahan pembangunan bidang kepintaran buatan dan pembelajaran mesin, robotik, teknologi nano, cetakan 3D, genetik dan bioteknologi juga melahirkan pelbagai jenis data-data baharu yang bersifat dinamik, unik dan besar bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang mendatang.

“Justeru, kemahiran menguruskan data dari pelbagai sumber juga amatlah penting bagi memastikan kelestarian sektor kejuruteraan dan teknologi di Malaysia seterusnya menyokong pembangunan negara,” katanya.

Sementara itu, Dekan Pusat Sains Matematik (PSM), Profesor Dr. Mohd Zuki Salleh berkata, UMPSA menawarkan dua mod pengajian iaitu Mod Kerja Kursus dan Industri (2u2i) dan kedua-duanya melibatkan tempoh pengajian selama tujuh semester.

“Bagi Mod Kerja Kursus, pelajar akan menjalani Latihan Industri pada Semester 7 manakala bagi Mod Industri (2u2i), pelajar akan menjalani Pembelajaran Berasaskan Kerja, *Work Based Learning* (WBL) melalui struktur *Block Release* pada Semester 6 dan 7.

“Selain itu, pelajar WBL turut dilatih oleh Jurulatih Industri yang ditugaskan untuk penilaian praktikal pelajar.

“Mod industri (2u2i) ini juga melatih pelajar melalui pembelajaran melalui pengalaman dalam persekitaran industri, aplikasi praktikal dengan kajian kes sebenar di industri dan penggunaan peralatan serta perisian sains data terkini yang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

“UMPISA menyediakan pendidikan berkualiti yang sukatan pelajarannya dirujuk dan dibandingkan dengan universiti tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Pihaknya turut memilih kursus terbaik dan paling penting yang berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran Sains Data dan Analitik untuk membolehkan graduan cemerlang dalam sektor industri dan perkhidmatan.

Begitu juga dengan sukatan pembelajaran juga dibangunkan dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti rakan kongsi industri dan panel penasihat industri agar pelajar dapat didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran berasaskan dunia industri sebenar.

Para pelajar juga akan didedahkan dengan pengetahuan analisis yang lebih mendalam menggunakan alat pengurusan data dan analitik terkini seperti R, Python, Tableau, RapidMiner dan Knime.

Hingga kini, seramai 22 graduan yang telah bergraduat manakala jumlah pelajar aktif mencatatkan seramai 234 orang pelajar.



UMPSA lahir 35 graduan perintis Sarjana Muda Teknologi Automotif

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melakar sejarah apabila buat julung kalinya meraikan graduan kumpulan pertama Sarjana Muda Teknologi Automotif pada Majlis Konvokesyen Ke-18 UMPSA baru-baru ini.

Seramai 35 graduan Sarjana Muda Teknologi Automotif telah berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang malah ramai antara mereka turut menerima anugerah universiti di majlis konvokesyen tersebut.

Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Tr. Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pengambilan pertama bagi program yang dimulakan sejak tahun 2019 itu, UMPSA merupakan satu-satunya universiti MTUN yang membuka peluang kepada graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang ingin mengambungkan pengajian pada peringkat sarjana muda.

"Lebih menariknya pelajar-pelajar ini akan mengikuti program *Work Based Learning* (WBL) yang merupakan pendekatan pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran di universiti dengan pembelajaran di industri bagi mewujudkan pengalaman bersepadu (teori dan praktikal) selama setahun.

"Semasa di industri, pelajar akan mempunyai mentor industri.

"Mentor inilah yang akan membimbing pelajar dalam kursus-kursus yang dilaksanakan di industri.

"Syukur, dalam tempoh empat tahun, kumpulan pertama ini berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan cemerlang," katanya.

Malah lebih membanggakan empat daripada mereka ini meraih anugerah-anugerah di majlis konvokesyen antaranya seperti Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang)

yang diraih oleh Muhammad Ambri Mohd Shaari, Anugerah Kecemerlangan UMW Holding Bhd. diraih oleh Muhammad Akmal Alif Ahmad Takim, Norkhairil Benjamin Nazeri telah meraih Hadiah Inovasi Projek Sarjana Muda PSM Terbaik Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) manakala Muhammad Hazimin Hazizan pula telah meraih Hadiah Kecemerlangan Program FTKMA.

Menurut Muhammad Ambri Mohd Shaari, dengan kejayaan beliau dan rakan-rakan seperjuangan dapat membuktikan lepasan Kolej Vokasional (KV) boleh berjaya hingga ke menara gading dan berjaya mendapat pekerjaan di industri.

"Terima kasih kepada UMPSA yang memberi peluang kepada golongan seperti kami untuk terus menempa kejayaan.

Manakala rakannya, Muhammad Akmal pula berkata, pilihan menyambung pengajian di UMPSA merupakan pilihan yang tepat walaupun pada awalnya berbelah bahagi sama ada untuk menyambung pengajian atau bekerja.

"Sebagai kumpulan perintis dalam program ini, saya akui pada awalnya banyak cabaran yang ditempuhi kerana sukar mencari sumber rujukan tambahan pula ketika itu wabak COVID-19 melanda negara.

"Berkat kesabaran dan ketabahan, kami semua dapat melalui liku-liku perjalanan dan meraih kejayaan di UMPSA," katanya yang kini sedang berkhidmat sebagai *Design Engineer* di Syarikat Move Robotic Sdn. Bhd.





UMPSA, 21 Tahun Membelah Samudera

Mukadimah

Bermula dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang ketika itu mempunyai seramai 303 mahasiswa prasiswazah pada tahun 2002, jumlahnya kini telah meningkat kepada seramai 11,764 orang mahasiswa pada tahun 2023. Sejak pengambilan kumpulan sulung mahasiswa bagi program sarjana dan doktor falsafah pada tahun 2004, enrolmen pascasiswazah juga telah meningkat daripada 16 orang kepada 1,474 orang pada tahun 2023.

Setelah lima tahun beroperasi, pada 1 Februari 2007, KUKTEM dinaik taraf kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP). Manakala setelah 21 tahun menempa nama di persada tinggi negara dan global, kini UMP dijenamakan sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Ikuti temu bual khas wartawan *Create* dengan Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin sebagai nakhoda kapal mengenai hala tuju dan hasratnya dalam memacu perubahan ke arah membina masa depan yang lebih gemilang bagi UMPSA.





Create: Bagaimana Dato' melihat penjenamaan UMP kepada UMPSA ini dalam mencapai hasrat universiti ke arah merealisasikan visi dan misi UMPSA?

NC: Kita berbangga dengan pencapaian universiti sehingga kini yang telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Perjalanan cemerlang universiti dalam tempoh 21 tahun ini turut dinadikan oleh komitmen tinggi warga universiti. Sehingga kini, jumlah keseluruhan staf universiti adalah seramai 1,838 orang. Manakala, enrolmen pelajar adalah seramai 18,129 merangkumi 11,764 pelajar prasiswazah, 1,474 pelajar pascasiswazah dan 4,891 pelajar program pembelajaran sepanjang hayat. UMPSA telah berjaya melahirkan seramai 38,462 alumni yang telah menyumbang semula tenaga dan kepakaran mereka kepada masyarakat serta pembangunan negara. Kebolehpasaran graduan UMPSA pula mencatat peningkatan kepada 98.7 peratus pada tahun 2023.

Universiti turut mengorak langkah ke hadapan dalam menjayakan transformasi digital untuk proses pembelajaran dan pengajaran melalui pembangunan Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System*) atau ILMU. Justeru, usaha ini akan merencanakan peranan UMPSA sebagai peneraju teknologi dan memantapkan kolaborasi berterusan bersama industri berkaitan.

Kita akan meneruskan kecemerlangan sejajar dengan usaha ke arah kegemilangan universiti melibatkan kecemerlangan yang digariskan melalui penawaran program akademik, memanfaatkan teknologi terkini, penerokaan teknologi baharu, pengurusan kewangan dan pentadbiran serta pengantarabangsaan dan keusahawanan.

Universiti juga akan memberi tumpuan terhadap kecemerlangan dalam usaha menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial dengan memberi tumpuan terhadap kecemerlangan perkhidmatan bersama komuniti.

Create: UMPSA antara penyumbang terbesar graduan TVET aras tinggi. Justeru, bagaimana Dato' melihat hala tuju akademik universiti dalam menyokong agenda TVET nasional?

NC: Kita amat bertuah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang juga selaku Canselor UMPSA sentiasa menyokong usaha pendidikan TVET agar terus diperkasakan.

Asas kepada penubuhan universiti adalah sebagai sebuah universiti awam (UA) yang memfokuskan kepada TVET dan tidak pernah berubah sepanjang 21 tahun kewujudan universiti yang kita sayangi ini. Antara pendekatan baharu termasuklah usaha sama strategik di antara pihak universiti dengan industri bagi memastikan graduan universiti dilatih berdasarkan keperluan semasa industri.

Justeru, sebagai salah sebuah universiti dalam MTUN, peranan universiti amat signifikan dalam memacu pendidikan TVET negara. Begitu juga seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Mantan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 beliau berkenaan dengan azam ketujuh iaitu untuk melakukan rombakan besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem TVET nasional. Kita sentiasa bersedia untuk menyahut seruan tersebut.

Ketika ini, UMPSA telah melaksanakan 50 peratus program akademik berasaskan TVET dan 50 peratus program akademik berasaskan Kejuruteraan. Bagi meneruskan kelestarian kecemerlangan, UMPSA akan melaksanakan 60 peratus program berasaskan TVET dan 40 peratus berasaskan Kejuruteraan menjelang tahun 2025.

Lebih membanggakan, kita juga berjaya memperkukuh hubungan baik yang menjangkau usia 13 tahun hasil jalinan kerjasama akademik di antara UMPSA dengan institusi pendidikan di Jerman, UMPSA-Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) bagi mengembangkan Model Pendidikan Kejuruteraan Jerman (*Fachhochschule*) dalam sistem pendidikan teknikal negara menerusi program ijazah dual dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik, Automotif dan Elektrikal bagi melahirkan lebih ramai graduan kompeten yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Ini termasuklah Program Kejuruteraan Perniagaan yang akan bersama dengan rakan baharu dari Mannheim University of Applied Sciences (HMA).

Selain Jerman dan Kazakh National Agrarian University, program ijazah dual kini diperluas ke negara China iaitu di Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Universiti Tianjin (TJU), China. Manakala program baharu pula akan melibatkan kerjasama dengan Fakulti Komputeran (FK) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) yang bakal diterokai dengan institusi di Korea Selatan.

Kita juga telah mendapat kerjasama baik dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam Program Pembangunan Bakat Muda (YTP) bagi pelajar menyambung pengajian bermula pada peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di IPT terpilih luar negara.

Create: Slogan UMPSA yang diketahui umum adalah 'Teknologi untuk Masyarakat'. Pencapaian universiti dalam penyelidikan adalah suatu pencapaian yang amat membanggakan. Universiti perlu memainkan peranan yang lebih efektif dalam membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

Justeru, UMPSA mestilah dilihat mampu menawarkan penyelesaian yang berasaskan teknologi kepada masyarakat. Bagaimana Dato' melihat aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (RDC) di UMPSA pada masa akan datang?

NC: 'Teknologi untuk Masyarakat' merujuk kepada gaya pendekatan tindakan UMPSA dalam menyediakan penyelesaian saintifik, teknikal atau inovasi terhadap sesuatu isu dan masalah yang dihadapi masyarakat dengan menggunakan teknologi.

Kita akan meneruskan usaha mencapai kegemilangan dan mengungguli bidang akademik, penyelidikan dan inovasi serta meningkatkan keupayaan teknologi yang bakal memberi impak dan mencari solusi penyelesaian masalah industri.

Penyelesaian tersebut secara langsung boleh disalurkan dalam bentuk *hard technology* atau *soft technology* secara *interdisciplinary*, atau dirujuk sebagai translasi (*translational*) merentasi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang tidak terhad kepada bidang Sains Tulen dan Kejuruteraan sematamata, tetapi turut melibatkan bidang Sains Sosial dan juga Sastera.


Pada tahun 2023, UMPSA telah menempa kejayaan apabila seramai 21 orang pensyarahnya yang telah diiktiraf dalam kalangan dua peratus saintis terbaik dunia. Jumlah ini meningkat berbanding seramai hanya 12 orang yang telah diiktiraf dalam kalangan dua peratus saintis terbaik dunia pada tahun 2021. Ini turut membuktikan bahawa UMPSA tidak kekurangan bakat bermutu dalam kalangan staf akademiknya.

Dalam bidang penerbitan ilmiah pula, berdasarkan sitasi setiap staf akademik merujuk analisis penerbitan Universiti Awam Malaysia (*Scholarly*) menyaksikan UMPSA berada di tangga kelapan dengan jumlah keseluruhan 6,982 terbitan.

Manakala berdasarkan Analisa Keseluruhan Penerbitan Universiti Awam Malaysia atau *Field-weighted Citation Impact* (FWCI), UMPSA berada di tangga kedua dengan nilai 1.28 selepas Universiti Malaya (UM) (1.42).

Adalah signifikan untuk kita melihat kembali dan seterusnya menambah baik tadbir urus pembangunan produk, promosi dan kemandirian syarikat.

Saranan saya agar kita fokus untuk menubuhkan syarikat *start-up* yang saya percaya merupakan model yang lebih mampan dan akan dibantu oleh UMPSA. Natijahnya, produk atau perkhidmatan yang berjaya dikomersialkan akan lebih berdaya saing dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.



Create: Organisasi pada semua peringkat negara mahu pun negeri perlu mengguna pakai inisiatif tadbir urus alam sekitar, sosial dan korporat (ESG) bagi mencapai matlamat pembangunan mampan. Seiring dengan usaha ini, universiti menasaskan pendekatan kampus lestari dengan melaksanakan pelbagai inisiatif khusus bagi menghasilkan sebuah ekosistem hijau yang kondusif seiring hasrat negara ke arah Malaysia sebagai negara neutral karbon menjelang tahun 2050. Bagaimana Dato' melihat pencapaian UMPSA dalam melestarikan kejayaan ini?

NC: UMPSA telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mempertingkatkan kualiti persekitaran yang dirancang bagi menyokong aktiviti untuk memelihara sumber dan mempertingkatkan kualiti persekitarannya. UMPSA menasaskan pendekatan kampus lestari dan inisiatif khusus yang dirancang bagi menghasilkan sebuah ekosistem hijau yang kondusif.

Lebih bermakna apabila konteks sumbangan UMPSA ini berkisar kepada keperluan 17 Sasaran Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals – SDG*) dengan indikator yang telah disepakati pada peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk dicapai menjelang tahun 2030. Bagi memastikan kelestarian jaringan ini mampu memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti, penyelidik yang terlibat perlu membina keakraban dengan komuniti sasaran selain mengekalkan hubungan yang erat dengan industri dan pembuat dasar dalam ekosistem yang saksama.



“

Penekanan diberikan terhadap Revolusi Industri 4.0 terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan robotik. Menerusi pelbagai inisiatif diberi kerajaan dalam konteks penyelidikan. Langkah ini mampu melahirkan lebih ramai penyelidik yang akan memberi manfaat dan bergerak selaras dengan keperluan negara. Misalannya, UMPSA kini sedang membangunkan teknologi Kenderaan Autonomi Kampus Pintar (*Smart Campus Autonomous Vehicle - SCAV*), *Ele-Bot* UMP, dron dan *virtual reality* (VR) pastinya merencanakan usaha ke arah memperkasa bidang ini di UMPSA.

Penekanan diberikan terhadap Revolusi Industri 4.0 terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan robotik. Menerusi pelbagai inisiatif diberi kerajaan dalam konteks penyelidikan. Langkah ini mampu melahirkan lebih ramai penyelidik yang akan memberi manfaat dan bergerak selaras dengan keperluan negara. Misalannya, UMPSA kini sedang membangunkan teknologi Kenderaan Autonomi Kampus Pintar (*Smart Campus Autonomous Vehicle - SCAV*), *Ele-Bot* UMP, dron dan *virtual reality* (VR) pastinya merencanakan usaha ke arah memperkasa bidang ini di UMPSA.

Penjajaran semula melibatkan pemerkasaan penyelidikan, inovasi industri dan pengkomersialan dari segi peningkatan keupayaan dan kapasiti penyelidikan yang lebih dinamik dan proaktif melalui tadbir urus geran dan penawaran dana serta geran-geran baharu yang berimpak tinggi dengan objektif khusus untuk menghasilkan idea-idea baharu, memfokuskan isu strategik semasa negara, mendepani cabaran dan mengadaptasi Transformasi Digital menerusi Revolusi Industri 4.0.

Universiti ini tersenarai di kedudukan 201-250 di dunia dalam 2023 *Times Higher Education Young University Rankings (THE Young)* yang menyenaraikan universiti terbaik dunia yang berumur 50 tahun atau lebih muda.

UMPSA juga tersenarai dalam penarafan dunia *Times Higher Education World University Rankings 2024* di kedudukan 601-800 dan tangga ke-201-250 dalam 2023 *Times Higher Education (THE) World University Rankings Asia*.

Universiti ini turut melakar kejayaan pada tahun lalu apabila tersenarai di kedudukan 301-400 dalam 2023 *Times Higher Education Impact Rankings (THE Impact)*. Penarafan *THE Impact* merupakan sistem penarafan global yang menilai usaha universiti terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Seterusnya UMPSA disenaraikan pada kedudukan ke-68 terbaik di dunia dan ke-4 terbaik di Malaysia berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan *UI-Greenmetric World University Ranking 2023*.

Baru-baru ini, UMPSA turut diiktiraf dunia apabila tersenarai dalam kedudukan 565 terbaik dunia dan 133 terbaik Asia dalam Penarafan *QS Sustainability 2024* yang menilai universiti berdasarkan tindakan yang diambil terhadap isu Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

UMPSA terus mengungguli sebagai universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Ini memperlihatkan komitmen UMPSA di dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan menilai usaha universiti dalam menangani masalah dunia berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Pengiktirafan ini secara tidak langsung menjadi penanda aras penting bagi menarik lebih ramai pelajar bukan sahaja dalam negara, malah antarabangsa untuk melanjutkan pengajian ke UMPSA.

Create: Apakah cabaran masa depan bagi UMPSA untuk memastikan universiti ini mampu kekal kompeten dan menjadi Universiti Teknologi Terunggul pada masa depan?

NC: Cabaran UMPSA pada masa hadapan adalah bagaimana untuk menjadikan universiti ini kekal relevan sebagai sebuah universiti yang berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi dan mencapai misi universiti ke arah Universiti Teknologi Terunggul pada tahun 2050. Agenda ini perlu digalas oleh semua warga UMPSA sama ada pengurusan tertinggi, staf akademik, pentadbiran, dan sokongan mahu pun pelajarinya.

UMPSA juga akan terus memperkasakan Agenda Pendigitalan UMPSA yang merupakan suatu usaha untuk memodenkan sistem pengurusan universiti dan memperkemas lagi platform komunikasi yang sedia ada di UMPSA.

Dengan adanya digitalisasi ini, maka sistem pengurusan universiti akan diubah menjadi lebih terkini dan moden terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta ekosistem universiti.

Justeru, saya menyarankan agar warga UMPSA perlu sentiasa bersedia sedia untuk mendepani cabaran Revolusi Perindustrian (IR 4.0) dan era globalisasi dalam dunia tanpa sempadan pada hari ini. Kita mampu bergerak bersama dan menanamkan perasaan sayangkan universiti perlu dipupuk dengan tekad untuk menyumbang bakat dan kepakaran dalam menjayakan agenda UMPSA.

Sebagai sebuah universiti yang memfokuskan Kejuruteraan, Sains, Teknologi, Pengurusan dan TVET aras tinggi, kita tidak akan lari jauh malahan seharusnya berfikir ke hadapan berbanding universiti awam lain tentang kemahiran termaju yang relevan seperti pendigitalan, inovasi sains dan automasi.

Kita juga perlu fahami peranan universiti dalam mewujudkan ekosistem keserjanaan, dari segi penyelidikan, inovasi dan penghasilan karya penerbitan yang menjadi rujukan utama dan antarabangsa melalui kajian yang dijalankan. Pada masa yang sama menyasarkan kecemerlangan budaya akademik dan peranan universiti sebagai penyelesaian masalah rakyat dan negara sejajar dengan laungan slogan 'Teknologi untuk Masyarakat'.

Saya percaya dan penuh yakin bahawa UMPSA akan berjaya mencapai hasrat ini dengan adanya bakat-bakat muda dalam kalangan tenaga akademik dan pentadbiran yang berpotensi ini berjaya melahirkan kepimpinan masa depan. Di sinilah peranan universiti sebagai 'kilang' proses keberhasilan dan melahirkan warga terbilang dilihat penting menjana perkembangan masyarakat agar sentiasa dinamik dan mapan.

Warga merupakan aset bagi universiti pada masa hadapan dan pelaburan untuk membina kepimpinan pelapis yang perlu diasuh secara sistematik demi memastikan kelangsungan UMPSA kelak. UMPSA melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Pendaftar dan *Taskforce* Inisiatif Profiling Kumpulan Bakat sedang melaksanakan Program Penilaian Profil Kepimpinan UMPSA bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi dan potensi kepimpinan kolam bakat UMPSA yang akan dijadikan asas untuk persediaan *Leadership by Design* bagi UMPSA.

“

Warga merupakan aset bagi universiti pada masa hadapan dan pelaburan untuk membina kepimpinan pelapis yang perlu diasuh secara sistematik demi memastikan kelangsungan UMPSA kelak. UMPSA melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Pendaftar dan *Taskforce* Inisiatif Profiling Kumpulan Bakat sedang melaksanakan Program Penilaian Profil Kepimpinan UMPSA bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi dan potensi kepimpinan kolam bakat UMPSA yang akan dijadikan asas untuk persediaan *Leadership by Design* bagi UMPSA.

Selain itu, universiti ini mempunyai tanggungjawab untuk menjadi sebuah universiti yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi isu-isu kelestarian yang semakin menjadi perhatian dunia. Kita perlu meletakkan diri di barisan hadapan dan berusaha untuk memperkenalkan teknologi serta amalan kelestarian kepada masyarakat, mendidik serta yang lebih utama menjadi suri *teladan (role model)* mengenai prinsip-prinsip kelestarian.

Sesungguhnya, kecemerlangan sesebuah universiti tidak hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi semata-mata tetapi banyak bergantung kepada struktur pengurusan dan tadbir urus yang mantap.

Kepimpinan universiti yang baik dapat merencanakan perjalanan program pendidikan tinggi yang berdaya saing dan melahirkan graduan yang dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara. Pelbagai perbincangan ilmiah telah dizahirkan untuk menekankan peri pentingnya kaedah mengurus dan mentadbir sesebuah universiti dengan kaedah kepimpinan yang mapan dan tepat. Bakat dan kepimpinan universiti yang cemerlang membolehkan mereka dikenali (*known*), dilihat (*seen*) dan didengari (*heard*) sehingga diiktiraf sebagai pakar rujuk.

Saya menyeru kepada seluruh warga agar kita meneruskan usaha menggembeng bakat-bakat yang ada di universiti ini secara strategik bagi memastikan kepakaran teknologinya dapat dibawa ke lapangan bagi manfaat masyarakat. Dengan penuh tekad dan yakin, marilah kita bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan dengan penuh dedikasi demi UMPSA yang kita cintai. Bekerjalah dengan jujur dan amanah, insya-Allah kita akan dilindungi oleh Allah SWT.



UMPSA lancar Kenderaan Elektrik Bebas Karbon Amalan Lestari

Selaras dengan Agenda Hijau Negara, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melancarkan penggunaan kenderaan elektrik dalam memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk kebaikan masa hadapan dan generasi akan datang. Dalam mengaplikasikan teknologi dan mengamalkan gaya hidup lebih baik adalah dengan mengurangkan jejak karbon yang bakal memberi penyelesaian inovasi kepada industri tenaga.

Menerusi inisiatif ini, dua bas elektrik dan dua van elektrik dengan stesen pengisian EV diperkenalkan di UMPSA bagi menggalakkan penggunaan karbon rendah serta kenderaan pintar yang cekap tenaga. Acara penyerahan replika kunci kenderaan elektrik telah disampaikan Pengarah Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd., Wan Ahmad Wan Omar kepada Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin dengan disaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di pekarangan parkir Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersempena Hari Terbuka KPT 2023 pada 23 Oktober 2023.

Turut sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Dr. Azlinda Azman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), KPT, Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, UMPSA kini telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memperkasakan amalan lestari melalui pelbagai program universiti yang dilaksanakan. UMPSA melaksanakan Kempen Kelestarian bagi meningkatkan kesedaran warga untuk menjaga alam sekitar seiring bagi merealisasikan hasrat universiti ke arah Kampus Lestari.

"Dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Kampus Lestari menerusi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 5C (2), UMPSA telah berjaya mencapai sasaran kemajuan pembangunan kampus lestari sebanyak 86.8 peratus pada Suku Ketiga (Q3) 2023, melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 78 peratus.



“Ini menunjukkan komitmen UMPSA dalam membangun kampus yang lestari dan mampan.

“Justeru, Inisiatif Kampus Lestari akan dirancarkan lagi dengan pelbagai aktiviti seperti penanaman pokok, penjimatan tenaga dan sumber serta pengurangan karbon di dalam UMPSA,” katanya.

Dalam pada itu, terdapat lapan Kempen Inisiatif Kelestarian dilaksanakan iaitu Minum Air Kosong dan Bawa Botol Air Sendiri, Jom Tapau: Bawa Bekas Sendiri, Hijaukan Alam Sekitar, Hari Kitar Semula UMP: Mengurangkan Pembaziran, Satu Langkah Pada Satu Masa dan Gaya Hidup Sihat: Pilih Kesejahteraan Setiap Hari.

Lain-lain inisiatif iaitu Pengasingan Sisa Organik: Pengkomposan untuk Masa Depan Lebih Hijau, Go Hijau: Tukar Sisa Anda Menjadi Sumber Mampan, Kenderaan Bebas Karbon: Amalan Lestari di Jalan Raya.

UMPSA tersenarai pada kedudukan ke-68 terbaik dunia dalam Penarafan *UI-Green Metric World University Ranking 2023*, berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau serta pengurusan alam sekitar.

Penarafan kelestarian lain termasuklah *2024 QS World University Rankings Sustainability (565)* dan *2023 Times Higher Education (THE) Impact Rankings (301-400)*.





UMPSA tubuh Pusat Latihan Rel hasil kolaborasi dengan LZRVTC

Kolaborasi strategik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Liuzhou Railway Vocational Technical College (LZRVTC) menyaksikan penubuhan Pusat Latihan Rel di universiti ini dalam memperkasa bidang kejuruteraan dan teknologi rel yang menyokong Agenda Pemerkasaan TVET Negara.

LZRVTC merupakan sebuah institusi pengajian yang terletak di Guangxi, China yang berasaskan kemahiran berfokus kepada bidang teknologi dan kejuruteraan rel serta menjadi pusat rujukan bagi industri rel di selatan negara China.

Berlangsung baru-baru ini, Majlis Penyerahan Plak dan Mock Cheque bernilai Renminbi 7.5 juta atau RM 5.6 juta bagi pendidikan berkaitan rel melibatkan perisian program, modul latihan dan lain-lain untuk manfaat pelajar.

Dalam majlis yang diadakan pada 11 Disember 2023, Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin hadir menerima sumbangan replika cek dan kerjasama strategik bagi penubuhan Pusat Latihan Rel UMPSA yang disampaikan oleh Presiden Liuzhou Railway Vocational Technical College, Qin Haibo dengan disaksikan oleh Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail.

Turut sama hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMPSA, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Dato' Seri Haji Darwis Abdul Razak, Timbalan Pengarah, Jabatan Pendidikan Guangxi Zhang China, Wu Jinchang dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMPSA, Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman.





Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie, UMPSA mempunyai kolaborasi dengan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) dalam Program Latihan Kemahiran Industri Projek Laluan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL) bermula pada tahun 2017 hingga 2022 dan disambung untuk tempoh lima tahun lagi sehingga tahun 2027.

“UMPASA turut berkolaborasi dengan Beijing Jiaotong University (BJTU) China bagi program ijazah dual membabitkan bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal yang menyumbang terhadap pembangunan industri rel negara sejak tahun 2020 iaitu para pelajar program berkenaan mendapat biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Kolaborasi ini juga memberi peluang kedua-dua pihak untuk meneroka potensi dalam projek ECRL, antaranya penyediaan modul latihan pengoperasian dan penyelenggaraan rel serta kerjasama akademik dalam bentuk pensijilan terbuka dalam bidang ini sebagai nilai tambah terhadap kebolehpasaran graduan bergaji premium,” katanya.

Pihak China Communications Construction Company (M) Sdn. Bhd. (CCCC) merupakan kontraktor utama kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahn projek bagi projek East Coast Rail Link (ECRL) dan LZRVTG, Guangxi, China pula menjalankan latihan TVET untuk tenaga kerja ECRL yang merupakan projek milik pihak MRL.





UMPSA bakal jimat sehingga RM600 ribu guna tenaga solar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) kini dijangka akan dapat mengurangkan penghasilan karbon dioksida (CO₂) di dalam kampusnya di Pekan sebanyak 47 peratus bersamaan penjimatan bil elektrik antara RM400,000 sehingga RM600,000 setahun bagi pemasangan solar 3.58MWp.

UMPSA sebagai sebuah universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN), kini memiliki solar terapung di tasik universiti yang dilengkapi dengan sistem apungan panel solar yang direka untuk bertahan di bawah perubahan cuaca.

Ini menjadikan platform dan peralatan operasi panel solar ini kekal seimbang di atas permukaan air.

UMPSA terus memperlihatkan komitmennya di dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) untuk menilai usaha universiti dalam menangani masalah dunia berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke arah untuk mencapai sasaran negara bebas karbon menerusi Projek Solar Terapung yang dibina di tasik universiti.



UMPSA hasil kerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) telah menjalinkan kerjasama pintar melalui pemasangan solar bumbung bagi meluaskan lagi ciri-ciri kelestarian UMPSA.

Pada masa ini, solar terapung tersebut terdiri daripada 240 unit panel solar, satu unit inverter 125 Amp dan lebih daripada 136 unit pelampung bagi membentuk kawasan seluas 2,574 meter persegi.

Hadir dalam program penyerahan projek solar itu ialah Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Sektor Kerajaan Persekutuan, GLB, TNB Retail, Mohd Fadhil Noordin, Pengurus Besar TNB Pahang, Dato' Haji Baderul Sham Saad, Ketua Pegawai Eksekutif, GSparx, Elmi Fairul Mashuri dan Ketua Pegawai Eksekutif FYF Sdn. Bhd., M. Khairul Shamsul Nizam M. Razali.

Ia telah diadakan pada 29 November 2023 di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak, UMPSA Pekan.

Menurut Naib Canselor UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, UMPSA giat menjalankan inisiatif terhadap usaha memupuk kesedaran amalan lestari.

"Antaranya pemasangan solar di universiti ini yang melibatkan tiga kaedah iaitu pemasangan di atas bumbung bangunan, pemasangan di atas pakir kenderaan atau dalam istilah teknikal ialah *Building Integrated Photo Voltic* (BIPV) dan pemasangan solar di atas permukaan tasik.

"Projek solar ini mempunyai panel solar terapung berkapasiti 159 kWp bagi penjanaan bekalan elektrik yang dijangka mampu menjana sekurang-kurangnya 197,319 kW tenaga per tahun.

"Selain itu, ia juga berpotensi untuk mengimbangi pelepasan 126.1 tan gas CO2 dan menjadikan UMPSA merealisasikan hasrat mencapai sasaran untuk menjadi negara bebas karbon," ujarnya.

Katanya, pemasangan solar berkapasiti 3.58MWp di dalam kampus UMPSA Pekan telah dipasang di lapan lokasi iaitu enam lokasi pemasangan solar di atas atap yang melibatkan bangunan Canseleri Tun Abdul Razak, Dewan Serbaguna, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekanikal (FTKPM) dan Fakulti Komputer (FK).

"Manakala pemasangan secara BIPV pula telah dibuat pada pakir Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) dan juga pemasangan solar secara terapung.

"UMPSA akan sentiasa berusaha untuk memperkenalkan teknologi dan amalan kelestarian kepada masyarakat, mendidik serta yang lebih utama menjadi suri teladan (*role model*) mengenai prinsip-prinsip kelestarian.

"Universiti memainkan peranan yang amat penting dalam membudayakan amalan lestari dan tenaga boleh diperbaharui dengan mengambil inisiatif terhadap usaha memupuk kesedaran amalan lestari," ujarnya.



Katanya, ini termasuklah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan sumber tenaga fosil.

“Antaranya termasuklah penggunaan teknologi pengurusan tenaga yang canggih seperti penyejukan dan pemanasan yang efisien, pemasangan pencahayaan LED yang jimat tenaga serta penggunaan sistem automasi pintar untuk mengawal penggunaan tenaga.

“Melalui langkah-langkah ini juga, UMPSA turut berperanan sebagai pusat inovasi, penyelidikan, dan pendidikan dalam memupuk amalan lestari dalam kalangan pemegang taruh termasuklah graduan yang dihasilkan,” jelas beliau lagi.

Dalam pada itu, Mohd Fadhil turut berharap agar jalinan kerjasama antara UMPSA, TNB dan GSPARX ini dapat membuka lebih banyak potensi dan peluang dalam meneroka pelbagai aspek berkaitan tenaga.

Universiti turut memainkan peranan penting dalam menyediakan graduan yang peka terhadap isu-isu kelestarian dan mempersiapkan generasi masa depan untuk menghadapi cabaran global yang berkaitan dengan tenaga dan alam sekitar.

UMPSA juga turut menerima pengiktirafan *Three Diamond* bagi Penilaian Karbon Rendah Bangunan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), baru-baru ini yang menjadikan UMPSA membuktikan kemampuan dalam melaksanakan usaha penggunaan tenaga elektrik yang efisien, penggunaan tenaga boleh baharu dan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.





UMPSA jalin kerjasama dengan rakan industri di China

Oleh: Rosilavi Mat Jusoh

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Tianjin Wanfeng Chemical Engineering Equipment Co., Ltd. pada 5 Disember 2023 di Tianjin, China.

Hadir menandatangani MoU ialah Naib Canselor UMPA, Profesor Dato' Ts Dr. Yuserrie Zainuddin manakala pihak Wanfeng pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Wanfeng, Zhu Rong.

Turut hadir Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Profesor Madya Ts. Dr. (FTKPP), Sumaiya Zainal Abidin, Pengurus Kanan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Rosilavi Mat Jusoh dan Pengarah (Malaysia), Confucius Institute UMPA, Yong Ying Mei.

Menurut Profesor Dato' Ts Dr. Yuserrie, kerjasama ini memberi lebih banyak peluang yang boleh diterokai dengan pihak industri di China bagi memacu kecemerlangan dan keperluan strategik bersama yang dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak.

“Kerjasama di antara UMPA dengan rakan industri ini melibatkan pemindahan teknologi, perkongsian kepakaran penyelidikan, meningkatkan pembangunan teknologi serta berkongsi pengetahuan dalam bidang akademik dan penyelidikan,” katanya.



Beliau percaya dengan kepakaran dan teknologi, hasil kerjasama ini akan meningkatkan lagi kejayaan program yang berimpak tinggi serta membuka lebih banyak peluang dan penerokaan kepada bidang-bidang lain yang berkaitan.

UMPSA Dalam Lipatan Sejarah



1998 - 2002

1-2. Pendaftaran pelajar baharu Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), kini dikenali sebagai UMPSA. (9 November 1998)

3-4. Majlis Upacara Peletakan batu asas di Kuala Pahang, Pekan oleh KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah ibni Alharhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Muadzam Shah. (2 November 2002)



2003 - 2007

1-2. Perpindahan kampus KUKTEM (kini UMPSA) dari Bandar Indera Mahkota, Kuantan ke kampus sementara di Bandar MEC Gambang. (24 April 2003)

3. Istiadat Pemasyharan Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama KUKTEM (kini UMPSA) di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan Pahang Darul Makmur. (16 Ogos 2006)

4. Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo universiti oleh KDYMM Sultan Pahang di Hotel Marriot Putrajaya. (1 April 2007)



2008 - 2012

1. Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) beroperasi buat pertama kali di kampus Pekan. (27 Jun 2009)

2. Pusat Akademik dan Kerjaya German (GACC) ditubuhkan secara rasmi. (22 Disember 2010)

3. Universiti melancarkan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC). (18 Januari 2011)

4. KDYTM Tengku Mahkota Pahang menyempurnakan pelancaran Empower ECER. (18 Julai 2012)

UMPSA Dalam Lipatan Sejarah



2013 - 2017

1. Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) mula beroperasi di kampus Pekan. (2 November 2015)
2. Bangunan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) mula beroperasi di kampus Pekan. (16 November 2015)
3. KDYMM Sultan Pahang menyempurnakan Majlis Pelancaran *MyGift* yang kini dikenali sebagai Yayasan UMPSA. (1 Oktober 2016)
4. Majlis Pecah Tanah Kolej Kediaman Mawaddah oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang. (6 Julai 2017)



2018 - 2020

1. Universiti tuan rumah temasya sukan SUKUM ke-43. (10 Ogos 2018)
2. Universiti melancarkan Polisi Hijau UMPSA dan Kempen '*Let's Break Up with Single-Use Plastic*' bagi mengurangkan penggunaan plastik oleh warga kampus. (19 Februari 2019)
3. Operasi penghantaran pulang pelajar dan IPT Zon Timur berjalan lancar susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). (17 Mei 2020)
4. Universiti tuan rumah Jom Masuk IPT Zon 2 Pahang dan disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang. (22 Februari 2020)



2021 - 2023

1. KDYMM Pemangku Raja Pahang dilantik Penaung Diraja Sukarelawan. (18 Februari 2022)
2. KDYMM SPB YDP Agong kurnia Watikah Pemasyruran UMPSA. (21 Oktober 2023)
3. KDYMM Pemangku Raja Pahang dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UMPSA. (21 Oktober 2023)
4. UMPSA lancar Kolej Kediaman Mawaddah berkonsepkan wakaf pertama di Malaysia. (28 April 2023)

Warna-warni UMPSA 2023



Universiti menganjurkan program Tayangan Khas Dokumentari (Pelayaran Sang Maestro) dan Sesi Dialog Cendekia.



Kunjungan delegasi UMPSA ke Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).



Seramai 47 pelajar Program Ijazah Dual dan Beijing Jiaotong University (BJTU) China yang bakal menyambung pengajian di BJTU.



Universiti menganjurkan program Chinese New Year Cultural 2023.



Universiti menerima kunjungan daripada delegasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Lebih 500 pelajar menikmati juadah makan tengah hari yang lazat secara percuma sempena Program Jelajah Kenduri Rawang Adabi bersama pelajar bertempat di Masjid Universiti.



Universiti menggerakkan Misi Sukarelawan Banjir Selatan di Kampung Teluk Hutan Lesung, Tanjung Sedili, Kota Tinggi.



Universiti memeterai kerjasama dengan Bosch Rexroth Sdn. Bhd. (Bosch Rexroth).



Seramai 45 orang pelajar Program Ijazah Dual UMP dan Beijing Jiaotong University (BJTU), China berlepas ke China bagi menyambung pengajian selama dua tahun.

Warna-warni UMPSA 2023



Seramai 100 orang mahasiswa menerima bantuan komputer riba sumbangan Kumpulan FGV Holdings Berhad dengan kerjasama Muslim Care Malaysia.



Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMPSA mengadakan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Persatuan Pascasiswazah UMP 2023 dan Majlis Penghargaan Persatuan Pascasiswazah UMP 2022.



Universiti meraikan pencapaian para graduan siswazahnya bagi tahun 2022 dalam Majlis Ramah Mesra Alumni Pascasiswazah anjuran Institut Pengajian Siswazah (IPS).



Naib Canselor mengumumkan lapan iltizam dan azam bagi melestari kecemerlangan dalam kualiti akademik, pembangunan penyelidikan dan perkhidmatan agar UMPSA terus diiktiraf di persada dunia.



Universiti melancarkan lapan Kempen Inisiatif Kelestarian bagi meningkatkan kesedaran warga untuk menjaga alam sekitar seiring merealisasikan hasrat universiti ke arah Kampus Lestari.



Seramai 68 staf universiti yang telah setia menyumbang jasa lebih dua dekad di universiti ini diraikan dalam Majlis Sanjungan Budi bersempena Amanat Tahunan Naib Canselor 2023.



Universiti menjuarai Karnival Sukan Jabatan Bendahari MTUN yang disertai empat buah Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).



Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti menyampaikan Syarahan Umum yang memfokuskan kepada Gagasan Malaysia Madani.



UMPSA, Riding for The Disabled Association Malaysia (RDA) dan Kelab Ekuestrian Tanjung Lumpur memeterai kerjasama dalam aktiviti berkuda.

Warna-warni UMPSA 2023



Seramai 100 orang anak staf menerima sumbangan kelengkapan pakaian sekolah sempena program Kembali Ke Sekolah (*Back To School*) anjuran Yayasan UMP (kini Yayasan UMPSA) dan Jabatan Pendaftar.



Confucius Institute (CI) menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil Kursus Teknikal Bahasa Mandarin di kilang pembuatan keluli, Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. (ASSB).



Sekolah Menengah Intiaz Yayasan Terengganu (SMI YT) Marang melawat UMPSA dan Confucius Institute (CI).



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah santuni warga universiti dan kurnia sumbangan buat pelajar.



Persidangan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) 2022/2023 mula bersidang pada 15 April 2023 dan berakhir pada 16 April 2023.



Universiti kini memiliki penginapan mahasiswa berkonsepkan wakaf yang pertama di Malaysia apabila Kolej Kediaman Mawaddah di UMPSA Pekan.



Kolaborasi universiti dan UMW tanam 2,000 pokok bakau di Cherating.



Majlis Riang Ria Raya meriah dengan kehadiran lebih 7,000 pelajar menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di UMPSA Kampus Gambang.



Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dilantik Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) yang baharu.

Warna-warni UMPSA 2023



UMPSPA menandatangani MoU bersama tiga institusi TVET di Kementerian Pendidikan Hebei, China, iaitu Hebei Petroleum University of Technology, Hebei Software Institute dan Shijiazhuang Institute of Railway Technology.



Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaleed Nordin hadir bersama delegasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam lawatan kerja ke UMPSPA Pekan.



Seramai 27 sukarelawan UMPSPA memberi manfaat buat penduduk di Pulau Bum-bum khususnya di kampung Balimbang, Berjasa, Sama-sama dan Berjaya.



UMPSPA iktiraf 109 pensyarah dalam Majlis Anugerah Cendekia Bitara.



Seramai 37 orang sukarelawan UMPSPA Kilau menyantuni komuniti Bajau dan Bajau Laut yang tinggal sekitar Pulau Mabul dalam Program Kembara Prihatin@Semporna anjuran Yayasan UMPSPA bersama rakan strategik, Muslim Care Malaysia (Muslim Care).



Kolaborasi profesional bersama alumni dalam Industry Network Alumni Platform (INAP) merupakan suatu platform buat alumni UMPSPA dalam membina hubungan (*networking*), berinteraksi dan memberi sumbangsaran atas kapasiti profesional mereka.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyempurnakan program UMPSPA Pekan Bridge Run 2023 yang telah disertai lebih 2,000 peserta.



Delegasi UMPSPA yang diketuai Naib Canselor, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin bertemu YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor bertempat di Pejabat Ketua Menteri Sabah, Kota Kinabalu.



Pasukan pendaki UMPSPA selamat tiba di puncak Gunung Kinabalu bagi menjayakan misi menawan puncak tertinggi di Asia Tenggara itu. Pendakian hampir 24 jam ke puncak gunung (*Low's Peak*) itu diakhiri dengan kibaran tiga bendera iaitu Jalur Gemilang, bendera Negeri Pahang dan bendera UMPSPA bersempena dengan Hari Malaysia Ke-60 dan Ulang Tahun UMPSPA Ke-21.

Warna-warni UMPSA 2023



UMPSA dilantik sebagai Sekretariat Majlis Penasihat Ekonomi Negeri Pahang (MPEN).



Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin hadir merasmikan Hari Terbuka dan Expo Konvokesyen 2023 UMPSA serta menjayakan Forum Bicara Madani: Mahasiswa Tonggak Negara Madani.



UMPSA Tempat Ke-3 Pertandingan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen Piala Menteri Besar Pahang 2023.



Dua bas elektrik dan dua van elektrik dengan stesen pengisian EV diperkenalkan di UMPSA bagi menggalakkan penggunaan karbon rendah serta kenderaan pintar yang cekap tenaga.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor UMPSA berangkat menyempurnakan Istiadat Pemasyhuran UMPSA pada Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UMPSA pada Majlis Konvokesyen Ke-18.



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pertama UMPSA, Profesor Dato' Ts. Dr. Mortaza Mohamed dianganugerahkan gelaran Profesor Emeritus yang merupakan penganugerahan tertinggi akademik atas pelbagai sumbangan yang telah dicurahkan kepada universiti dan pendidikan tinggi negara pada Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18.



UMPSA miliki panel solar terapung yang terdiri daripada 240 unit panel, 1 unit inverter 125 Amp dan lebih daripada 136 unit pelampung bagi membentuk kawasan seluas 2,574 meter persegi.



UMPSA menubuhkan Pusat Latihan Rel hasil kolaborasi dengan Liuzhou Railway Vocational Technical College (LZRVT) dalam memperkasa bidang kejuruteraan dan teknologi rel yang menyokong Agenda Pemerkasaan TVET Negara.

Apa Kata Mereka?



Farah Ain Madzlan
Alumni UMPSA
Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UMPSA

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan adalah pengalaman saya menyertai pelbagai program di UMPSA, terutamanya ketika saya berkhidmat sebagai salah seorang wakil pelajar (MPP). Saya percaya penglibatan ini yang telah membentuk jati diri dan semangat kesukarelawanan saya sehingga kini. Walaupun sudah tamat pengajian tiga tahun, nilai-nilai ini masih saya bawa hingga ke alam pekerjaan.

Istimewanya, UMPSA adalah sebuah universiti pengajian teknikal yang berkualiti. Bukan setakat fokuskan pada institusi UMPSA itu sendiri malah UMPSA mengembangkan dan menyediakan khidmat ilmu pengetahuan dan keupayaan teknikal bersama komuniti



Mike Schamotzki
3rd Secretary for Economic, Commercial and Environmental Affairs German Embassy Kuala Lumpur

Keep up your performance and you will improve. This country has many young talents that can be proud of. By offering a dual degree programme, UMPSA is preparing young talents for the international market.



Gunasegaran Krishnan
Ketua Pegawai Eksekutif, Trinovik Labs Sdn. Bhd.
Alumni Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), UMPSA

Dari pemerhatian saya, nilai atau kekuatan yang ada pada UMPSA berbanding yang lain ialah dedikasi dan kesungguhan pensyarah dan pengajarnya. Pada zaman saya, para pensyarah sangat menitikberatkan dan berusaha untuk membentuk pelajar bukan sahaja dari segi pendidikan tetapi dari segi kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini telah membantu saya dan rakan pelajar saya mencapai kejayaan di dunia pekerjaan.



Ts. Dr. Mas Ayu Hassan
Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) UMPSA

Dengan penjenamaan UMPSA ini, pastinya UMPSA akan menjadi lebih dekat di hati rakyat Malaysia amnya, sekali gus dapat menarik minat *stakeholders* dari negara-negara Islam terutamanya di negara-negara Timur Tengah, seperti menarik minat pelajar pascasiswazah untuk melanjutkan pelajaran dan membuka peluang untuk melebarkan kolaborasi dengan universiti tersohor serta industri besar di sana.

Apa Kata Mereka?



Ts. Dr. Mohd Hamisa Abdul Hamid
Dekan, Fakulti Sains, Kejuruteraan & Agroteknologi, University College of Yayasan Pahang (UCYP) dan Alumni Doktor Falsafah FTKMA, UMPSA 2023

Sebagai alumni program Doktor Falsafah, kriteria UMPSA sebagai universiti awam MTUN terbaik menjadi antara faktor saya menyambung pengajian di sini. Pertukaran nama UMP kepada UMPSA diharapkan mampu untuk terus meningkatkan kecemerlangan universiti awam ini dalam melahirkan graduan cemerlang dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Pengurusan Teknikal selain membantu pembangunan negara menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2030. Selain itu, pertukaran nama UMPSA dengan membawa nama KDYMM SPB YDP Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah mampu menjadikan tokoh dan kewibawaan pemerintahan baginda dalam memacu kecemerlangan universiti awam ini bukan sahaja di Malaysia malah di persada global. Selamat maju jaya UMPSA.



ASP Nur Arnida Baharuddin
Pegawai Penyelidik Latihan, Pusat Latihan Polis(PULAPOL), Bukit Sentosa

Pertukaran nama UMP kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) adalah sangat baik dan sesuai pada masanya. Ini merupakan suatu penghormatan kepada YDPA yang ke-16 yang merupakan anak jati Pahang dan amat dihormati serta disayangi rakyat. Semoga dengan pertukaran nama baharu UMPSA ini akan memartabatkan lagi keserjanaan universiti dan menjadi kebanggaan rakyat Pahang dan para graduan.



Halimatu Saadiah Abdul Rahman
Guru Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah Pekan

Penaiktarafan KUKTEM kepada UMPSA membuktikan bahawa universiti ini sememangnya setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Saya berharap agar UMPSA sentiasa mengorak langkah yang komprehensif dan mengambil peluang agar dapat membuktikan pengalaman 21 tahun mengelola institusi ini akan merealisasikan kejayaan demi kejayaan yang mampu membawa nama UMPSA dan negara di mata dunia. Saya juga berdoa UMPSA akan sentiasa mengekalkan momentum kecemerlangan sebagai sebuah IPT dan memaksimumkan penghasilan pelajar yang bukan sahaja cemerlang malahan berkualiti dalam bidang profesional, segar dan sehebat namanya.



Dr. Ainol Haryati Ibrahim
Pesara UMPSA (2002-2022)

Mengorak langkah sebagai KUKTEM, bertukar pula menjadi UMP, dan kini kita adalah UMPSA. Penjenamaan adalah perlu sekiranya kita ingin seiring dengan perubahan dan perkembangan semasa. Namun, adalah menjadi harapan saya agar asas-asas kejudaan kita akan kekal kukuh selamanya. Penubuhan institusi ini adalah berpancang atas nilai-nilai teras yang menjadi panduan bagi pucuk kepimpinan dan seluruh warga institusi ini dalam mengharungi masa-masa yang penuh cabaran. Institusi ini mampu mengatasi segala dugaan yang mendatang kerana kita berpegang teguh kepada nilai-nilai teras tersebut. Saya seikhlasnya percaya dan berharap agar nilai-nilai ini akan terus menjadi pegangan yang teguh oleh warga KUKTEM/UMP/UMPSA bagi memastikan kita akan terus melonjak ke aras yang lebih tinggi mencapai kejayaan demi kejayaan.

Apa Kata Mereka?



Ts. Mohd Faiz Zulkifli
Pengurus Besar Permula Sdn. Bhd.
Alumni Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, UMPSA

UMPSA mempunyai kelebihan sendiri dalam membentuk jati diri pelajar. Kawasan sekitaran yang menyerupai kawasan industri disebabkan kawasan asal adalah bekas kilang elektronik sangat sesuai untuk memberi perasaan yang berbeza dan merangsang minat pelajar dalam bidang kejuruteraan. Semua pelajar juga sangat ditekankan dengan kemahiran *softskills* dan kemahiran *hardskills* yang tinggi.



Adrihana Abdul Rashid
Founder Bingka KL

A heartfelt congratulations to UMPSA for their recent upgrade in status. From various development programmes that encourage a holistic education and the wide range of courses offered, it has been a delight to watch their amazing journey from their humble beginnings to becoming the great institution they are today. I wish nothing but the best for the team at UMPSA and may they continue to produce world class graduates that will contribute to the betterment of our country and society.



Farhawahidah Ahmad Puad
Pegawai Belia dan Sukan Kanan UTHM, Unit Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni 2005-2007

Pertukaran nama UMP ke UMPSA merupakan satu pengiktirafan kepada seluruh warga universiti. Pengalaman pertama bertatih dalam menimba pengalaman bekerja di sini merupakan kenangan terindah. Bermula dengan sumber yang terhad, kini UMPSA beroperasi dengan pelbagai kemudahan moden dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kepada para pelajar yang merupakan pelanggan utama universiti. Terus maju UMPSA mencipta kegemilangan akademik!



Mahathir Mazizan
Penolong Pendaftar Kanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

UMPSA merupakan sebuah universiti yang menyediakan program-program yang relevan dengan keperluan industri. Rentetan itu, graduan-graduan UMPSA dilihat dapat membina keterampilan bagi berdepan suasana yang penuh persaingan serta memenuhi kehendak industri kini.

Apa Kata Mereka?



Emran Hossain
Graduate Research Assistant & Teaching Assistant at FTKKP, UMPSA and an International Postgraduate Student from Bangladesh

Nowadays UMPSA has become a prominent and recognised research and technology institution internationally. As an international student, I am astounded by their research accomplishments, friendly faculty, supportive administrative staff, industry alliances, and high-level educational system. Grateful to my supervisor, Associate Professor Dr. Norhayati Abdullah, for serving as my mentor and encouraging me to enrol at UMP as a proud student. I'm hoping that UMPSA can contribute to increasing funding for foreign students and inspire us. Best wishes UMPSA.



Norhan Hussin
Suri Rumah, Villa Suria U10, Shah Alam, Selangor

Tahniah atas kejayaan UMPSA yang sangat membanggakan sejak penubuhannya. Penglibatan UMPSA dengan pelbagai agensi dilihat sangat membantu dan membuka lebih banyak peluang bagi pelajar-pelajar sekolah memilih aliran yang menepati IR4.0. Sebagai anak kelahiran Pahang dan bergaul rapat dengan pelajar-pelajar sekolah menengah, saya gembira dengan perkembangan ini. Semoga UMPSA terus melahirkan graduan yang cekap berkomunikasi malah serba boleh dan dinamik daripada segi kemahiran skil di pasaran kerjaya.



Leftenan (Pertahanan Awam) Kang Wei Xian yang menganggotai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
Alumni Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UMPSA

*Kemudahan di UMPSA lagi mantap berbanding dengan dahulu. Pelajar mempunyai peluang untuk belajar teknologi yang baharu dan canggih serta menjalankan penyelidikan dengan baik kerana pensyarah UMPSA merupakan penyelidik yang hebat di mata dunia. UMPSA bukan sahaja mempunyai kelas teori yang amat mantap (*solid teaching*), ia juga mempunyai sesi *hands-on* yang memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan dan memperhalusi kemahiran. Perkara ini penting apabila pelajar telah berada di pasaran sebagai seorang jurutera*



Ellora Priscille Ndia Ntone, Cameroon
Master of Engineering, Inbound Mobility Programme

One thing that I love about UMPSA is the relationship between students and lecturers. Taking my supervisor as an example, she has been more than just a supervisor to me. She is supportive, guiding me through my work. The flow of information is pleasant.

PENARAFAN UMPSA 2023



PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

QS STARS EXCELLENT
 • *QS Stars University Ratings Excellent Award*
 • Pencapaian tertinggi antara universiti awam (UA) di Malaysia
 • Penarafan 5 bintang dalam semua kriteria

THE World University Rankings
 • *2024 THE World University Rankings*
 • Kedudukan 800 di dunia dan 8 di Malaysia

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS
 • *2024 QS Stars University Ratings*
 • Kedudukan 790 di dunia

THE World University Rankings 2023 Asia
 • *2023 THE World University Rankings Asia*
 • Kedudukan 250 di Asia dan 9 di Malaysia

QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA
 • *2024 QS Asia University Ratings*
 • Kedudukan pertama dalam kalangan MTUN
 • Kedudukan 153 di Asia dan 35 di Asia Tenggara

THE World University Rankings Young
 • *2023 THE Young World University Rankings*
 • Kedudukan 250 di dunia dan 3 di Malaysia

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS by subject
 • *2023 QS World University Rankings by Subject*
 • Pencapaian tertinggi antara universiti awam (UA) di Malaysia
 • Penarafan 5 bintang dalam semua kriteria

THE World University Rankings by Subject
 • *2024 THE World University Rankings by Subject*
 • 4 mata pelajaran (Perniagaan dan Ekonomi, Sains Komputer, Sains Fizikal, Kejuruteraan) berada di kedudukan dunia

USNews
 • *2021/2022 US News and World Report Best Global University Ranking*
 • Kedudukan 992 di dunia, 269 di Asia dan 8 di Malaysia
 • 5 mata pelajaran berada di kedudukan dunia dan kedudukan 161 peringkat dunia dalam subjek Tenaga dan Bahan Api

21
 2 peratus Sainis Terbaik Dunia
 21 penyelidik UMPSA tersenarai 2 peratus Sainis Terbaik Dunia

98.7%
 GE
 2023

Kebolehpasaran Graduan (GE) UMPSA
 2021: 96.2%
 2022: 96.8%
 2023: 98.7%

PEMERINGKATAN KELESTARIAN

UI Green Metric
 • *2023 UI Green Metric World University Ranking*
 • Kedudukan 68 di dunia dan 4 di Malaysia

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS SUSTAINABILITY
 • *2023 QS World University Rankings Sustainability*
 • Kedudukan 565 di dunia

THE IMPACT RANKINGS
 • *2023 THE Impact Rankings*
 • Kedudukan 400 di dunia dan 7 di Malaysia

PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN PADA PERINGKAT KEBANGSAAN

MARA
 • *MyRA*
 • Penarafan 5 bintang sejak tahun 2017

MyMohes
 • *MyMohes*
 • Penarafan 5 bintang sejak tahun 2017

SETARA
 • Sangat berdaya saing

10 program Ijazah Dual bersama-sama 6 rakan kongsi antarabangsa

6
 rakan strategik antarabangsa

Kedudukan 1 dalam kalangan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)

RASIONAL LOGO



1

Bentuk keseluruhan perisai bersegi lima melambangkan institusi pendidikan yang mempunyai falsafah, visi dan misi tersendiri bertunjangan kepada lima nilai teras.

2

Bentuk orbit yang berputar mengelilingi berlian melambangkan ilmu yang progresif dan gabungan kedua-duanya mewakili graduan yang berwawasan global.

3

Bentuk berlian melambangkan kemantapan tadbir urus baik berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Warna kuning melambangkan kedaulatan yang menaungi sistem tadbir urus baik universiti.

4

Bentuk gading yang merupakan simbol negeri Pahang digarap secara dinamik bermaksud kekuatan ilmu dan kemahiran teknikal yang menyumbang ke arah kemakmuran sejagat. Warna biru dan firus mencerminkan pendidikan bersepadu sebagai wadah perpaduan dan tamadun bangsa.

5

Bentuk pena mencerminkan ilmu yang dijana oleh warga universiti dengan penuh hikmah. Warna putih adalah simbol kebenaran dan ketinggian ilmu yang dianugerahkan oleh Allah SWT.

6

Nama ringkas perkataan UMPSA di tengah-tengah grafik gading dan grafik pena menggambarkan ilmu pengetahuan yang digarap dan dikeluarkan di UMPSA.

TRANSFORMASI LOGO



LOGO BAHARU



Pengguna logo UMPSA merujuk Manual dan Garis Panduan Korporat Jenama UMPSA.

Pihak universiti telah mengklasifikasikan penggunaan logo UMPSA bagi mana-mana penggunaan dan urusan seperti berikut:

1. Logo UMPSA yang mempunyai kalimah الله (Allah) hanya boleh digunakan pada papan tanda, kenderaan dan bangunan atau bahan-bahan yang diletakkan di tempat tinggi sahaja.
2. Logo UMPSA yang tidak mempunyai kalimah الله (Allah) dibenarkan untuk penggunaan dalam urusan percetakan (*printed material*).



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

Maju Gemilang (Lagu Rasmi UMPSA)



Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Taman Ilmuan Berkeunggulan
Menjana Insan Yang Cemerlang
Bagi Agama Bangsa dan Negara

Ilmu Yang Diterokai
Pasti Jadi Amalan
Demi Kemajuan Pertiwi
Bekal Masa Hadapan

UMPSA Menjulung Nama
Wadah Pendidikan Bangsa
UMPSA Megah dan Bangga
Lahirkan Cendekiawan Mulia

UMPSA Maju Gemilang
Di persada Antarabangsa
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Lagu/Seni Kata: UMPSA





اوتنورسي تي مليسيا فهج السطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Universiti Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang, Malaysia
Tel. +609 431 5000
Faks: +609 431 5555
E-mel: pro@umpsa.edu.my

www.umpsa.edu.my



UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my

TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT

